

Bukti kemampuan rakyat Malaysia

BH 10 JUL 1987

SHAH ALAM, Selasa — Kejayaan projek kereta nasional membawa erti besar kepada ekonomi negara di samping membuktikan kebolehan rakyatnya bergiat di dalam industri itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Melancarkan kereta Proton Saga yang pertama, Perdana Menteri berkata, "Usaha yang gigih, penuh dedikasi serta sanggup pula menghadapi cabaran pasti akan mencapai matlamat yang dikehendaki.

"Pelancaran hari ini menandakan negara melangkah setapak lagi ke arah pembangunan perindustrian. Kilang kereta nasional dan pengeluaran Proton Saga adalah bukti kesanggupan kita untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan perindustrian negara."

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan melaksanakan program perindustrian berat di negara ini ialah bagi memperluas dan mengukuhkan asas perindustrian dalam usaha mencapai taraf sebagai sebuah negara industri.

"Meskipun Malaysia baru saja terbabit dalam bidang ini, kita akan berjaya dengan sepenuhnya sekiranya kita sanggup bekerja keras, berdisiplin dan mengurus dengan cekap serta jujur," katanya.

Datuk Seri Dr Ma-

hathir menjelaskan, hasrat serta strategi kerajaan memasuki perusahaannya automobil ialah supaya perniagaan itu dapat berkembang dengan lebih pesat.

"Bukan niat kita menghancurkan peniaga-peniaga kereta yang sedia ada kerana tidak ada faedah jika sesuatu perniagaan besar seperti pemasaran kereta tiba-tiba dimusnahkan.

"Kerajaan menyertai bidang ini supaya ia berkembang pesat, peniaga baru dan kecil akan mendapat peluang turut serta sementara yang sudah maju terus maju," jelas beliau.

Kemahiran

Perdana Menteri berkata, projek itu akan membawa banyak kemajuan kepada industri kereta kerana keupayaan dan pengeluaran yang lebih besar memberi faedah ekonomi yang baik.

Projek itu juga dapat meninggikan lagi teknologi, pengetahuan dan kemahiran di bidang kejuruteraan di samping menjadi nadi penggerak bagi pertumbuhan dan pembangunan industri sampingan.

Beliau menyeru mereka yang terbabit dalam industri komponen kereta mempertingkatkan kegiatan masing-masing di segi mutu dan kecekapan pengeluaran supaya dapat membekalkan pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Industri itu juga perlu memberi perhatian yang berat kepada penyelidi-

kan dan pembangunan bagi mengikis sikap negatif di kalangan orang ramai terhadap apa jua barangan yang dibuat di negara ini.

"Adalah menjadi harapan projek ini untuk terus mendapat sokongan dan mencapai kejayaan agar Malaysia boleh

menjadi sebuah negara pengeluaran kereta di dunia.

"Saya juga ingin menyeru semua rakyat Malaysia menyokongnya dengan membeli Proton Saga. Kereta ini adalah setaraf dengan kereta yang dibuat di luar negeri."